

10 JUN 1997

Kinabalu

GUNUNG KINABALU SEMAKIN TINGGI?

KOTA KINABALU, 10 Jun (Bernama) -- Ahli-ahli geologi mendakwa Gunung Kinabalu -- puncak tertinggi di Asia Tenggara -- semakin meninggi dengan kadar lima milimeter setahun.

Ketinggian gunung itu, yang dianggap oleh sesetengah penduduk tempatan sebagai gunung keramat, adalah 4,101 meter (13,455 kaki) ketika diukur 87 tahun yang lepas.

Namun, sekiranya benar dakwaan yang menyatakan ia semakin tinggi sebanyak lima milimeter setahun, maka kiraan secara mudah menunjukkan gunung itu kini mempunyai ketinggian 4,101.435 meter (kira-kira 13,456 kaki 5 inci).

Angka itu diperolehi apabila lima milimeter didarab dengan 87 tahun dan dicampur dengan 4,101 meter.

Tetapi, untuk mengukur ketinggian gunung yang sehebat Kinabalu bukan satu perkara yang semudah mendarab dan mencampurkan angka dengan menggunakan mesin kira sahaja. Atas sebab inilah Institut Juruukur Malaysia (ISM) melancarkan ekspedisi teknikal untuk mengukur ketinggian sebenarnya.

Projek itu yang dikenali sebagai ISM Projek Kinabalu '97, telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan Taman-Taman Sabah.

Pengerusi penganjur projek itu, Ho Kin Wong berkata, ekspedisi yang menggunakan teknologi satelit maju dari 23 hingga 27 Jun itu bertujuan untuk memastikan semula dan mengesahkan ketinggian sebenar puncak itu.

"Usaha ini timbul selang 87 tahun selepas puncak ini diukur yang mencatatkan ketinggian 4,101 meter sedangkan gunung ini dikatakan semakin tinggi," katanya dalam kenyataan hari ini.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan beberapa orang kenamaan akan turut menaiki gunung itu pada 24 Jun dan kerja mengukur ketinggiannya akan dijalankan keesokan harinya. Satu acara tradisi akan turut diadakan sempena usaha itu.

Turut diadakan ialah peraduan meneka ketinggian terbaru gunung itu dengan tawaran hadiah berjumlah RM120,000 dan keputusannya akan diumumkan pada 25 Jun.

Bagaimanapun, ketinggian terbaru gunung itu dijangka akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Ogos ini. --

BERNAMA

JS WNZ